

DKKA jadikan Malaysia berdaulat

Oleh YULPISMAN ASLI
dan JUANI MUNIR
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 3 OKT.

DASAR Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) bermatlamat menjadikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara berdaulat, aman, makmur dan dihormati di persada dunia dengan rakyatnya bersatu padu serta berupaya mempertahankan kepentingan nasional.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, dasar ini dirangka sebagai panduan dan rujukan bagi mendepani pelbagai isu dalam sektor keselamatan dan ketenteraman awam yang kian mencabar.

Dasar ini juga katanya, akan melengkapi Dasar Keselamatan Negara (DKN) yang merupakan satu dasar payung dalam aspek

keselamatan negara.

"Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam ini merangkumi semua aspek pemeliharaan kelangsungan perlembagaan dan institusi agama, bangsa dan tanah air; pengukuhan keselamatan sempadan, menjamin keselamatan dan ketenteraman awam; memerangi ancaman dadah dan melindungi aset dan sasaran penting negara.

"Dengan adanya dasar ini juga, saya juga berharap agar isu yang melibatkan pertindihan dasar dan pelaksanaan dapat diselaraskan semula," katanya berucap pada majlis pelancaran DKKA itu di Kementerian Dalam Negeri hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Ketua Setiausaha Kementerian, Tan Sri Alwi Ibrahim dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador.

Dalam pada itu, Perdana

Menteri berkata, agensi keselamatan perlu berubah daripada pendekatan tradisional kepada pendekatan berasaskan teknologi Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) untuk memperkasakan penyampaian perkhidmatan dalam sektor keselamatan.

Menurut beliau, pendekatan ini termasuklah pembangunan sumber manusia yang lebih kompeten bagi menghadapi cabaran lebih kompleks.

"Selain itu, penggunaan kecerdasan buatan, penggunaan dron, automasi berasaskan robotik, *cloud computing* dan *internet of things* (internet segalanya) yang berupaya mengurangkan kos dan sumber manusia di samping meningkatkan kecekapan dalam menangani cabaran dan isu-isu keselamatan. Strategi ini juga adalah selaras dengan dasar pendigitalan kerajaan," katanya.



DR. MAHATHIR MOHAMAD menyerahkan buku Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) kepada Abdul Hamid Bador dalam Majlis Pelancaran DKKA di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan Muhyiddin Yassin dan Alwi Ibrahim. - UTUSAN/RASHID MAHFOF